

Bimbang banjir kilat berulang

Penduduk desak JPS selenggara parit lebih sistematik, pantau cara kerja kontraktor dilantik

SABAK BERNAM – Penduduk mendesak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi penjelasan berhubung kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit di Kampung Tebuk Pulau yang didakwa tidak dijalankan secara sistematik dan sempurna.

Dua parit utama iaitu di Jalan Parit 6 Tebuk Pulau dan Jalan Parit 6 sawah padi berhampiran ladang Tebuk Pulau tidak diselenggara dengan sempurna dan dikhuatiri banjir kilat yang melanda kampung itu berulang seperti yang berlaku pada tahun lalu.

Rajan Pran A/L. Krishnan, 52, berkata, kerja-kerja pembersihan parit oleh kontraktor dilantik JPS antara seminggu hingga sebulan lalu itu tidak dijalankan secara menyeluruh apabila terdapat rumput yang



Rajan Pran menunjukkan longgokan rumput keladi bunting yang dibiarkan tidak dipotong di Parit 6 sawah padi berhampiran ladang Tebuk Pulau.

masih tidak dipotong.

“Kita persoalkan kenapa tak selenggara parit betul-betul sebab ada lagi rumput yang tak dipotong dekat batang paip dan bawah sistem pembetungan ke rumah penduduk.

“Mereka patutnya cari jalan untuk potong rumput tu, bukan biar macam tu. Bila tak potong, air parit tak

dapat mengalir ke sungai dan pantai dekat sini,” katanya.

Rajan Pran memberitahu, keadaan di Parit 6 sawah padi berhampiran ladang Tebuk Pulau lebih teruk apabila terdapat longgokan rumput keladi bunting di tengah-tengah parit akibat tidak diselenggara dengan baik.

“Projek ini JPS pantau

ke? Kalau pantau, kenapa ada lagi longgokan pokok keladi bunting yang tak dipotong. Janganlah potong sana tapi sini tak. Potonglah semua dan jangan biar macam tu,” ujarinya.

Katanya, jika masalah itu tidak ditangani secara serius, penduduk bimbang banjir kilat di kampung itu berulang terutama pada musim hujan yang



HAIRI.

dijangka antara September hingga Disember depan.

“Kita tak mau kawasan ni banjir. Cukuplah tahun lalu dah banjir. Kerajaan negeri pun ada bagi peruntukan untuk selesaikan masalah ni,” ujarinya.

Seorang lagi penduduk, Hairi Ramli, 49, berkata, kerja yang dijalankan pihak terbabit kurang menyenangkan penduduk apabila rumput yang dipotong tidak dibuang ke tem-

pat yang lebih jauh daripada parit tersebut.

“Mereka potong rumput letak tak sampai satu meter dari tepi parit. Bila hujan, rumput tu jatuh semula masuk parit. Saya cadangkan mereka buang ke tempat lain,” katanya.

Pada 25 Oktober tahun lalu, kerajaan Negeri Selangor mengumumkan peruntukan segera berjumlah RM600,000 bagi kos penyelenggaraan sistem perparitan di tiga kampung di Sabak Bernam yang dilanda banjir kilat.

Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan RM400,000 akan digunakan bagi membaiki pulih saliran parit utama di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Desa Kasih Tebuk Pulau, manakala RM200,000 lagi di dua kampung iaitu di Batu 38 dan Bagan Nakhoda Omar.